




KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	13/4/2021	MUKA SURAT	: 21
JABATAN	:	TNB		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



Mahdzir diiringi Baharin melawat pameran ketika Program Hari Terbuka TNB di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Harrul Anuar Rahim/BH)

TNB sasar Bumiputera pembekal meter pintar

Inisiatif buka peluang pelaburan kepada pengilang, pembekal

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyasarkan penyertaan 100 peratus pembekal

Bumiputera bagi pemasangan meter pintar di seluruh negara, tidak lama lagi.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata sejak ia mula dipasang pada 2017, lebih 90 peratus peralatannya diimport dari luar negara.

Katanya, inisiatif yang diam-bil TNB secara tidak langsung membuka peluang pelaburan kepada pengilang dan pembekal tempatan untuk memenuhi segala keperluan yang berkeai-tan.

“Inisiatif ini dapat menyumb-ang kepada kegiatan ekonomi untuk dikongsi kepada semua

pembekal dalam keadaan dunia berdepan pandemik COVID-19.

“Tahun lalu sahaja, sebanyak RM1.2 bilion nilai perolehan me-nerusi projek meter pintar dan kali ini kita menyasarkan per-olehan melebihi RM1.5 bilion untuk empat tahun akan da-tang,” katanya ketika ditemui pada Hari Terbuka TNB: Pe-luagan Perniagaan Terhadap Ekonomi Baharu, di sini, sema-lam.

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din turut hadir pada majlis itu yang disertai le-bih 50 pembekal.

Sementara itu, Mahdzir berka-

ta, ketika ini, TNB mempunyai kira-kira 53 peratus pembekal Bumiputera dengan nilai perole-han tahunan secara purata se-banyak RM8 bilion, sejak empat tahun lalu.

“Angka ini satu pencapaian ter-baik bagi TNB dalam tempoh 20 tahun dan berharap ia dapat di-tingkatkan bukan hanya dari se-gi bilangan tetapi nilai tambah dalam bidang pekerjaan itu.

“Kita akan memberikan pelba-gai pendedahan kepada pembekal ini mengenai teknologi ba-haru kerana kita perlu beralih trend dari konvensional kepada digital.